

KEFAHAMAN SUBJEKTIF**KEFAHAMAN SUBJEKTIF (LATIHAN 1)**

ARAHAN: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti .

Nek Minah, ibu kepada ibu saya berusia lebih daripada 70 tahun. Suaminya, datuk saya telah meninggal dunia 10 tahun yang lalu. Nek Minah suka duduk bercerita kepada cucu-cucunya selepas makan malam. Cucu-cucunya sangat suka mendengar kisah-kisah Nek Minah semasa kecilnya. Semasa kecilnya, Nek Minah dan keluarganya tinggal di sebuah kampung nelayan di West Coast Road. Rumah mereka dibuat daripada kayu dan papan serta beratap rumbia atau nipah. Pada masa itu, rumah mereka tidak ada bekalan elektrik dan air paip.

Pada waktu malam rumah mereka akan diterangi oleh pelita. Pelita ialah bekas berbagai bentuk berisi minyak tanah dan bersumbu. Mereka juga gunakan lampu gas atau lebih dikenali sebagai lampu pam untuk mendapatkan cahaya yang lebih terang. Lampu pam ini digunakan semasa Nek Minah dan adik-beradiknya duduk belajar dan dipimpin oleh datuk mereka.

Mereka dapatkan air daripada sebuah perigi untuk mencuci, membasuh atau mandi. Air untuk memasak dan minum didapati daripada sebatang paip air kerajaan di tepi jalan masuk ke kampung itu. Penduduk kampung akan beratur untuk mendapatkan air untuk memasak dan minum daripada paip air kerajaan itu. Mereka akan mengisikan air paip itu ke dalam baldi-baldi atau tin-tin minyak untuk dibawa pulang. Dia selalu nasihati kami agar menjimatkan air dan elektrik.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap.

- 1 Apakah Nek Minah suka lakukan selepas makan malam?

- 2 Bagaimanakah keadaan rumah Nek Minah dahulu ?

- 3 Apakah mereka gunakan untuk terangkan rumah pada waktu malam?

- 4 Bagaimanakah mereka dapat air untuk memasak dan minum ?

- 5 Pada pendapat kamu, mengapakah kita mesti menjimatkan air ?

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (LATIHAN 2)

ARAHAN: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti .

Salah satu tempat menarik yang popular dengan pelancong dan pengunjung Malaysia ialah Pulau Langkawi. Pulau Langkawi terletak di barat Malaysia Barat. Pulau Langkawi dilengkapi dengan hotel-hotel yang moden dan pelbagai kemudahan dan menjadi tempat tarikan pelancong dan pengunjung. Mengikut sejarah, pulau ini telah disumpah selama tujuh keturunan oleh Puteri Mahsuri yang telah dibunuh dengan kejam.

Kini Pulau Langkawi adalah sebuah pulau yang terkenal dengan pemandangan yang menarik. Mereka yang ke sana akan kagum melihat keindahan pulau itu. Kita tidak akan dapat melupakan keindahannya.

Jika kita ingin pergi ke pulau itu, kita boleh menaiki feri dari Kuala Perlis. Feri ini berulang-alik ke Pulau Langkawi beberapa kali sehari. Tambang feri yang dikenakan berpatutan. Kita akan berasa seronok semasa berada di dalam feri itu. Air lautnya biru lagi jernih. Kita dapat melihat ikan-ikan berwarna-warni berenang sambil melompat-lompat keluar untuk mendapatkan cahaya matahari. Pokok-pokok di pantai pulau itu seolah-olah melambai-lambai menyambut kedatangan kita.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap.

1 Di manakah letaknya Pulau Langkawi?

2 Apakah peristiwa yang telah menjadi sejarah di Pulau Langkawi ?

3 Mengapakah Pulau Langkawi terkenal ?

4 Mengapakah kita akan berasa seronok berada di dalam feri ?

5 Pada pendapat kamu, mengapakah ramai orang pergi ke pulau ini pada masa sekarang ?

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (LATIHAN 3)

ARAHAN: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti .

Salleh bekas seorang banduan. Dia baru dibebaskan lebih kurang dua bulan yang lalu. Salleh yang berusia 25 tahun itu telah ditangkap polis pagi semalam. Dia telah merompak seorang wanita yang baru keluar daripada sebuah bank. Salleh telah mengacukan sebilah pisau di leher wanita itu lalu mengancam wanita itu supaya menyerahkan beg tangan dan barang-barang kemasnya. Wanita itu sangat marah. Dengan nekad wanita itu mencampakkan beg tangannya ke lantai lalu menjerit meminta tolong. Salleh memungut beg tangan wanita itu lalu melarikan diri.

Beberapa orang pemuda yang berada tidak beberapa jauh daripada situ telah menyaksikan kejadian itu. Tiga orang pemuda bergegas mengejar Salleh. Semasa melarikan diri, Salleh terpelecok lalu terjatuh. Tiga orang pemuda yang mengejarnya dapat menangkapnya. Salleh meronta-ronta dan cuba melawan pemuda-pemuda itu untuk melepaskan diri tetapi tidak berjaya. Sementara itu, seorang saksi telah menelefon polis. Apabila tiga orang pegawai polis tiba, Salleh telah diserahkan kepada mereka.

Salleh, bekas seorang banduan yang baru dibebaskan daripada penjara dua bulan lalu itu, ditahan di balai polis untuk disiasat. Jika dibicarakan dan Salleh didapati bersalah, sudah tentu dia akan dikenakan hukuman berat.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap.

1 Siapakah Salleh ?

2 Mengapakah Salleh ditangkap polis pagi semalam?

3 Apakah Salleh telah lakukan semasa merompak wanita itu ?

4 Apakah wanita itu lakukan semasa dirompak?

5 Bagaimanakah Salleh boleh ditangkap oleh tiga orang pemuda itu?

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (LATIHAN 4)

ARAHAN: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti .

Semasa pulang dari sekolah pada hari itu, Hadi terlompat-lompat kesukaan. Sebaik sahaja dia sampai di rumah, Hadi menyanyi-nyanyi kerana sangat gembira. Hari itu hari terakhir persekolahan untuk tahun itu. Sekolah akan dibuka semula pada tahun hadapan. Cuti sekolah akhir tahun telah bermula pada hari itu. Sudah sampai masanya murid-murid dapat berehat setelah penat belajar sepanjang tahun tidak perlu belajar dan ada banyak masa lapang.

Pada minggu pertama dan kedua percutian itu, Hadi tidak pergi ke mana-mana. Dia rajin membantu ibu bapanya membuat kerja-kerja rumah. Hadi dan adiknya mengambil kesempatan untuk bermain permainan komputer yang telah dibeli oleh ayah mereka kerana mereka telah mencapai keputusan cemerlang di sekolah.

Apa sahaja yang disuruh oleh ibu bapa mereka akan dilakukan tanpa bantahan walaupun mereka sedang bermain permainan komputer. **Mereka mahu ibu bapa mereka berasa senang melihat sikap dan kelakuan mereka.** Mereka tidak sabar untuk menunggu minggu ketiga. Ibu bapa mereka telah berjanji akan membawa mereka ke London. Mereka ingin bercuti di sana sambil melawat kakak mereka yang sedang menuntut di sana. Kakak mereka seorang mahasiswi dalam ilmu perubatan di sana.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap.

- 1 Mengapakah Hadi terlompat-lompat kesukaan semasa pulang dari sekolah ?

- 2 Apakah yang dapat murid-murid lakukan dalam masa cuti sekolah ?

- 3 Apakah Hadi lakukan dalam minggu pertama cuti itu ?

- 4 Mengapakah Hadi dan adiknya tidak sabar menunggu minggu ketiga?

- 5 Pada pendapat kamu apakah maksud "**Mereka mahu ibu bapa mereka berasa senang melihat sikap dan kelakuan mereka.**"?

KEFAHAMAN SUBJEKTIF (LATIHAN 5)

ARAHAN: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti .

Antara banyak-banyak serangga, nyamuk, lalat dan lipas adalah antara serangga yang tidak membawa kebaikan kepada kita. Sebaliknya serangga-serangga membawa penyakit dan menjadi musuh kita. Nyamuk merebakkan denggi dan malaria atau demam kura. Seseorang akan dijangkiti denggi jika digigit oleh nyamuk Aedes. Lalat merebakkan kolera atau taun. Lalat membawa kuman setelah hinggap di tempat-tempat kotor lalu hinggap di makanan yang terdedah dan meninggalkan kuman-kuman yang menyebabkan penyakit. Seperti lalat, lipas juga menyebabkan pelbagai jenis penyakit disebabkan makanan yang tercemar.

Nyamuk akan membiak dengan begitu cepat jika ada air bertakung. Kita dapat menghalang nyamuk membiak dengan menjaga sekitaran kita bebas daripada air bertakung. Kita juga mesti jaga bahawa sekitaran kita sentiasa bersih untuk mengelakkan lalat dan lipas. Jangan buang sampah sebarangan tetapi di tempat-tempat tertentu agar tidak dihinggap lalat atau lipas.

Lipas membiak di tempat-tempat gelap dan kotor seperti di tong-tong sampah. Kita mesti masukkan sampah seperti sisa-sisa makanan ke dalam beg-beg plastik kemudian diikat sebelum dibuang.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan ayat-ayat yang lengkap.

1 Mengapakah nyamuk, lalat dan lipas menjadi musuh kita ?

2 Bagaimanakah seseorang boleh dijangkiti denggi ?

3 Apakah yang menyebabkan kolera atau taun ?

4 Apakah yang harus dilakukan sebelum membuang sisa-sisa makanan?

5 Pada pendapat kamu, bagaimana kamu dapat elakkan makanan tidak tercemar oleh lalat atau lipas?
